



MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

Tajuk: Pengurusan Masa

Nilai Teras: Bertanggungjawab

Masa: 1 jam

SK: 1.1 Pengenalan Ilmu Sejarah

SP: K1.1.8 Menjelaskan kepentingan menghargai masa dalam kehidupan seharian.

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:


1. Menyusun atur aktiviti berdasarkan keutamaan.
2. Membuat pengagihan masa untuk aktiviti dalam sehari.
3. Membuat jadual harian harian dan mingguan.

Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru memperdengarkan lagu *Demi Masa* daripada kumpulan Raihan.
– <https://www.youtube.com/watch?v=zA8yLS3Q--I>

Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Murid ditanya berkaitan dengan kepentingan masa.
2. Murid diminta melengkapkan Matriks Pengurusan Masa.



Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membuat jadual harian dan mingguan.
3. Ketua kumpulan akan membentangkanannya di hadapan kelas dan ahli kumpulan lain boleh mengemukakan soalan.

Refleksi: (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)